

Newspaper	Sinar Harian
Date	21/07/2017

'Belum tentu saya bertanding'

Sinar Harian - 21/7/2017 pg. 5

Keputusan sama ada Tun Dr Mahathir Mohamad bertanding atau tidak ditentukan oleh parti

JAMILAH HAMZAH

KULIM - Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui beliau tidak terdesak untuk menjadi calon pada PRU14.

Mahathir berkata, pihaknya menyerahkan kepada parti untuk menentukan sama ada beliau bertanding atau tidak.

Malah katanya, keputusan untuk menjadi calon pada PRU14 belum ditentukan memandangkan kedudukan parti bukan dalam keadaan terdesak.

"Saya belum tentukan lagi sama ada saya akan bertanding atau tidak, cuma dalam keadaan terdesak saja barulah akan bertanding.

Tapi di waktu ini, ti-

dak nampak terdesak," kata Penasihat Bersatu itu.

Beliau berkata, Bersatu sudah mempunyai ramai calon yang berkecualan dan berpengalaman untuk bertanding pada PRU14 nanti.

"Kita ada ramai calon untuk bertanding, yang ada ini semua mempunyai kekuatan masing-masing. Lagi pun penubuhan Bersatu untuk bela nasib rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Mahathir menasihati ahli Bersatu dan Pakatan Harapan supaya tidak mensabotaj calon yang dipilih pada PRU nanti.

"Apabila kita mula pilih calon-calon itu bertanding dalam pilihan raya, saya yakin ramai yang akan kecewa.

"Kalau ada tiga atau empat orang yang berminat kita

tak bolehlah nak pilih semua dalam satu kawasan.

"Kita hanya pilih seorang saja, yang tak terpilih saya tahu mereka akan kecewa, tapi mereka perlu sokong orang dipilih kerana mereka juga mahu sokongan," katanya.

Beliau berkata, dengan kerjasama antara parti dalam komponen itu dan sokongan masyarakat setiap kali program dijalankan mampu menumbangkan kerajaan BN.

"Walaupun yang hadir ke program Bersatu bukan ahli parti, tapi kita yakin mereka sokong parti dalam Pakatan Harapan. Kita percaya dengan sambutan seperti ini, mungkin kita mampu jatuhkan Najib (Datuk Seri Najib Tun Razak)," katanya.



Mahathir menyampaikan ucapan pada Rumah Terbuka Bersatu di Kampung Ayer Merah dekat sini, semalam